



جابتن اکام إسلام فیراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(l 03)

Tarikh: 17 Rejab 1447
7 Januari 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

| | |
|---------------|---|
| Tarikh | 9 Januari 2026 / 19 Rejab 1447 |
| Tajuk | Rezeki Halal Hidup Berkat Berlandaskan Syariat |

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"REZEKI HALAL HIDUP BERKAT BERLANDASKAN SYARIAT"

9 Januari 2026 / 19 Rejab 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَفْسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي لَهُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عَبَادَ اللَّهُ، إِتَّقُوا اللَّهَ³، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan iman dan memperteguh takwa. Taatilah Allah dengan sepenuh jiwa ketika berhadapan pelbagai dugaan berat untuk mengawal nafsu dan ujian dunia. Insaflah! dunia hanyalah persinggahan sementara, sedangkan akhirat ialah negeri yang abadi. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"REZEKI HALAL HIDUP BERKAT BERLANDASKAN SYARIAT"

Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْبَهَا إِلَى الْحَكَامِ لِتَأْكُلُوا فِي قَائِمَةِ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْرِ وَأَنْشُرْ تَعْلَمُونَ﴾

Bermaksud: Dan janganlah kamu memakan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang batil dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada para hakim dengan maksud supaya kamu dapat memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta benda orang lain dengan (jalan berbuat) dosa padahal kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Baqarah ayat 188)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Untuk mendapat kehidupan yang diberkati, setiap Muslim wajib memastikan rezeki yang diperoleh ialah rezeki yang halal. Rezeki yang halal akan membawa berkat, mendamaikan hati, menenangkan jiwa dan Insya-Allah dapat mendekatkan diri kita dengan Allah SWT. Kita wajib menghindari memperoleh pendapatan atau harta yang tidak patuh syariah melalui penipuan, riba, pecah amanah, rasuah, mengurangkan timbangan, memakan harta anak yatim, mencuri, merompak, menyamun dan seumpamanya. Ingatlah! Pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar, kita akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT mengenai rezeki yang kita peroleh dan cara kita membelanjakannya.

Kita hendaklah berhati-hati dalam ikhtiar mencari rezeki. Kita wajib memperingatkan diri bahawa apa juga pendapatan atau rezeki yang kita terima, akan digunakan untuk memenuhi keperluan diri dan keluarga. Islam menuntut umatnya bekerja dengan bersungguh-sungguh dan memastikan rezeki diperoleh melalui sumber yang halal. Biarlah rezeki yang diperoleh, secara zahir kelihatan sedikit, tetapi dipastikan halal, daripada rezeki yang secara zahir kelihatan banyak tetapi bercanggah dengan Syariat Islam, yang akan mengundang dosa dan kemurkaan Allah SWT, selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

أَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنْ سُخْتٍ فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ

Bermaksud: "Siapa yang dagingnya tumbuh dari (makanan) haram, maka neraka lebih patut baginya" (Hadis Riwayat Tirmidzi dan Ibnu Majah)

Menerima dan memakan harta yang haram atau tidak patuh syariah akan memberi kesan buruk pada ibadah, iman, doa, akhlak dan kehidupan kita. Apa juga ibadah seperti sedekah, infak, zakat dan wakaf daripada sumber yang haram atau tidak patuh syariah tidak diterima oleh Allah SWT. Meskipun banyak melakukan ibadah, doa juga sukar dimakbulkan llahi dan akan tersekat akibat sumber rezeki yang haram. Oleh itu bekerja dan berusahalah mencari rezeki yang halal lagi berkat dengan hati yang ikhlas, bukan semata-mata kerana upah dan gaji, tetapi lebih penting memenuhi amanah



sebagai seorang hamba dan khalifah Allah di bumi ini; dengan penuh keinsafan bahawa setiap yang kita lakukan akan dipersoalkan pada hari kebangkitan di Padang Mahsyar nanti. Apabila setiap orang menunaikan tanggungjawab dengan ikhlas dan bersungguh, masyarakat akan hidup dalam keberkatan dan insya-Allah negara akan dilimpahi kemakmuran.

Antara pendapatan ataupun rezeki yang terhasil sebagai harta tidak patuh Syariah dan wajib dihindari adalah:

Pertama: Pendapatan daripada penipuan, rasuah, penyeludupan dan manipulasi pasaran;

Kedua: Keuntungan daripada jual beli barang haram seperti arak dan dadah;

Ketiga: Perolehan daripada judi atau pertaruhan.

Keempat: Pelaburan dalam syarikat yang tidak mematuhi prinsip syariah;

Kelima: Pendapatan daripada riba (faedah bank konvensional);

Keenam: Faedah simpanan insurans konvensional; dan

Ketujuh: Gaji atau pendapatan melalui kerja yang dilakukan secara menipu atau tanpa amanah seperti membuat tuntutan palsu atau bekerja kurang daripada waktu yang ditetapkan.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Ke-87, yang bersidang pada 23 hingga 25 Jun 2009, berpandangan bahawa harta-harta yang diperoleh dengan cara seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan dan seumpamanya merupakan harta tidak patuh syariah. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak melalui Warta Kerajaan Negeri Perak bertarikh 25 September 2014 menetapkan harta dan pendapatan hasil melalui perkara-perkara yang dinyatakan itu, hukumnya tidak patuh syariah dan hendaklah diserahkan kepada Baitulmal untuk kegunaan *maslahah* umum. Tetapi jika diketahui pemiliknya hendaklah dikembalikan kepada pemiliknya.



Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita menyemaikan azam dalam diri kita untuk memastikan pendapatan dan rezeki yang kita peroleh benar-benar daripada sumber yang patuh syariah. Pekerjaan yang kita lakukan baik bekerja di sektor awam, swasta, mahupun bekerja sendiri, bukan sekadar untuk memenuhi keperluan dunia, tetapi merupakan amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT pada hari kebangkitan kita di Padang Mahsyar. Insaflah! Ketika kita dibicarakan di Mahkamah Rabbuljalil, kita tidak ada peguam bela untuk mengolah cerita rekaan bagi membela kesalahan yang kita pernah lakukan, kita juga tidak ada ruang untuk menegakkan benang basah kerana setiap anggota kita akan menjadi saksi yang tidak akan berdusta di hadapan Allah SWT yang Maha Mengetahui. Oleh itu marilah sama-sama kita mengambil pengajaran daripada peringatan Ilahi seperti yang terkandung dalam Surah Al-Mukminun, ayat 51:

﴿يَأَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُّوْمَنَ الطَّيِّبَاتِ وَأَعْمَلُوا صَلِحًا إِنَّ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلَيْمٌ ﴾ (٥١)

Bermaksud: “Wahai para Rasul, makanlah daripada (makanan) yang baik-baik dan lakukanlah kebajikan! Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa-apa yang kamu lakukan.”

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar mengingatkan tiga perkara berikut;

Pertama: Bekerja dan usahakan sumber pendapatan dengan ikhlas; kerana setiap harta yang kita peroleh akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT. Ingatlah yang halal itu membawa keberkatan dan ketenangan, manakala yang haram itu walau melimpah ruah hanya menjadi perosak yang mengundang murka dan azab Ilahi.



Kedua: Sekiranya harta atau wang yang ada pada kita, diragui berpunca daripada sumber haram, segeralah mengembalikannya kepada pemiliknya atau jika tidak dapat dikesan pemiliknya, harta atau wang tersebut diserahkan ke Baitulmal, Majlis Agama Islam dan 'Melayu Perak (MAIPk), selaku pihak yang diamanahkan untuk mengurus bagi kepentingan umum umat Islam.

Ketiga: Berhati-hatilah dalam memilih pekerjaan, menjana pendapatan atau pelaburan dan melaksanakan transaksi kewangan. Jangan kerana mengejar keuntungan duniawi yang sementara, kita tergadai akhirat yang abadi.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقْبَيلَ
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الْتَّيَّارِيْهَا الَّذِيْنَ ءاْمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا سَلِيْمًا⁷
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
 عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ
 حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
 وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَّعْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ السَّلَامَ}.
 اللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
 أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَهَا أَعْدَاءَ الدِّيْنِ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Kami pohon daripada Mu rezeki yang halal lagi berkat. Jauhkanlah kami, keluarga kami, dan seluruh umat Islam daripada harta yang haram dan syubhah. Jauhkan hati kami daripada sifat tamak, serta tetapkan kami berada di atas jalan yang Engkau redha.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَائِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى
 نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.